

30 NOV 1999

P/Raya-Reaksi (Ghafar)

TERLALU YAKIN ANTARA FAKTOR KEKALAHN BN DI SESETENGAH TEMPAT

MELAKA, Nov 30 (Bernama) -- Terlalu yakin setelah menang besar dalam pilihan raya terdahulu membuatkan Barisan Nasional (BN) hilang sesetengah kerusi yang disandangnya dalam pilihan raya umum semalam, kata bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Ghafar Baba hari ini.

Bercakap pada persidangan berita awal pagi ini, beliau berkata ada juga sesetengah pemimpin Umno yang berharap kepada "endorsement" daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh sebab ini "mereka tidak bersungguh-sungguh untuk berusaha menangani kempen parti pembangkang," jelas Ghafar.

Selain itu kekalahan BN di beberapa kawasan yang disandangnya juga berpunca daripada parti pembangkang yang mengambil kesempatan daripada perlucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, katanya.

"Sebenarnya perkara ini tidak harus berbangkit kerana beliau dibicarakan secara adil sekali," katanya sambil menambah rakyat juga telah terpicik dengan pembohongan pembangkang.

Mengakui kekuatan pembangkang pada pilihan raya kali ini, Ghafar berkata: "Pilihan raya ini menjadi satu pelajaran kepada kami semua supaya tidak ambil ringan kempen parti pembangkang.

Mengenai kegagalan BN merampas semula Kelantan, Ghafar berkata tiada apa yang boleh dilakukan jika rakyat Kelantan lebih memihak kepada Pas.

"Mereka lebih sukakan cerita nak masuk syurga kena undi Pas. BN tidak janjikan masuk syurga," katanya.

Menyentuh kekalahan beberapa orang menteri termasuk tokoh-tokoh agama dalam Umno beliau berkata ini menunjukkan demokrasi diamalkan dengan baiknya di Malaysia.

"Calon BN yang merupakan tokoh-tokoh agama bercakap benar tetapi tokoh-tokoh pembangkang selewengkan agama dan penyelewengan tersebut diterima rakyat," kata Ghafar.

Beliau merujuk kepada kekalahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nord dan Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Ditanya mengenai kemenangannya untuk kali ke-10 berturut-turut dalam pilihan raya yang dijalankan selepas merdeka, Ghafar berkata beliau gembira kerana mencatatkan rekod sebagai ahli parlimen yang terlama berkhidmat di Malaysia.

Ghafar menang lapan kerusi parlimen dan dua kerusi Dewan Undangan Negeri dalam kesepuluh pilihan raya terserbut.

Beliau juga berjanji untuk memberikan khidmat yang terbaik untuk tempoh lima tahun pemilihannya sebagai ahli parlimen Batu Berendam.

Ghafar menewaskan Khalid Jaafar, calon Keadilan dengan mencatatkan majoriti 7,105. Beliau mendapat undi 37,656 berbanding 30,551 undi yang diraih Khalid.

-- BERNAMA

AD NMO